



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BT WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

HARI TASKA 2018

12 OGOS 2018

IOI MALL PUTRAJAYA

[Salutasi akan dikemaskini oleh pihak penganjur]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENDAHULUAN

1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya kita dapat berhimpun untuk meraikan sambutan Hari TASKA peringkat Kebangsaan bagi tahun 2018.
2. Saya mengucapkan **TAHNIAH dan TERIMA KASIH** kepada Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) bersama Persatuan Pengusaha TASKA & TADIKA Putrajaya serta Persatuan TASKA Hulu Langat di atas komitmen serta kesungguhan dalam menjayakan Hari TASKA 2018. Sambutan Hari TASKA peringkat Kebangsaan ini diadakan bagi menghargai perkhidmatan institusi TASKA dan pengasuh yang berdaftar serta ibu bapa yang telah memberi kepercayaan kepada perkhidmatan TASKA berdaftar untuk mengasuh dan mendidik anak-anak mereka.

Hadirin yang saya muliakan,

TEMA SAMBUTAN HARI TASKA KEBANGSAAN 2018: KESETARAAN

3. “**KESETARAAN**” atau *Equality* telah diangkat sebagai tema bagi Sambutan Hari TASKA Kebangsaan 2018 selari dengan komitmen Kerajaan terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak atau

Convention on the Rights of the Child (CRC) yang telah diratifikasi sejak tahun 1995 lagi. Semua kanak-kanak tanpa mengira jantina, latar belakang, status sosio-ekonomi, kepercayaan agama dan kebolehan berhak untuk menjalani hidup yang sejahtera. Hak-hak mereka sebagai kanak-kanak seperti hak untuk hidup, memperoleh perlindungan, perkembangan dan penyertaan perlu dilindungi agar mereka dapat mengembangkan potensi dan seterusnya berbakti dalam pembangunan negara.

4. Kanak-kanak merupakan modal insan yang paling penting kepada sesebuah negara. Modal insan ini perlu dibangunkan kepada tahap optimum kerana mereka adalah aset negara pada masa hadapan. Mereka wajar dilindungi dalam pelbagai aspek seperti jasmani, sosial, rohani dan juga kognitif dalam persekitaran yang selamat dan kondusif. Persekitaran fizikal yang baik, penyediaan nutrisi yang seimbang mengikut kesesuaian umur serta persekitaran psikologi yang sihat dapat menjamin pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang baik dan sejahtera.

Sepertimana yang tertulis dalam karya ulung Pendeta Za'ba iaitu *Asohan Budi*, dimana *Asohan Budi* wajar dijadikan bacaan seawal usia remaja sebagai persediaan dan usaha melahirkan anak-anak sejati yang berilmu.

Antara yang dibincangkan dalam karangan Pendeta Za'ba ialah hal kemuliaan sikap, kewajipan mengurus dan mentadbir rohani dan jasmani, hal mendidik anak-anak melalui tiga bentuk iaitu **taghrib** (berasaskan hadiah), **tahrib** (memberi amaran) dan **akal** (mengajak anak-anak berfikir secara analitikal), kritikan terhadap adat dan ekonomi orang Melayu, dan diikuti perbincangan tentang falsafah akhlak, falsafah ketaatan dalam Islam dan konsep agama dan beragama dan saranan tentang pentingnya pelajaran agama kepada bangsa Melayu.

Begitu juga di dalam penulisan itu beliau turut menyelitkan unsur jenaka pintar, falsafah serta konsep yang sesuai dengan matlamat kritiknya bagi memberi kesedaran kepada bangsa dalam negara ini.

Hadirin sekalian,

5. Anak-anak merupakan suatu amanah dan juga ujian yang dititipkan Allah kepada ibu bapa seperti firmanNya dalam surah At-Taghabun ayat 15.

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud : “Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanya cubaan (bagimu); di sisi Allahlah pahala yang besar.”

Senario hari ini menunjukkan bahawa ibu bapa yang bekerjaya memerlukan bantuan khidmat pengasuh untuk menjaga serta mendidik anak-anak mereka. Oleh yang demikian, asuhan dan didikan awal kanak-kanak ini merupakan **tanggungjawab yang harus dipikul bersama** oleh ibu bapa dan pengasuh. Kesedaran dan kefahaman ibu bapa dan pengasuh terhadap amanah ini sangat penting dalam mencorak asuhan dan didikan awal kanak-kanak kerana "anak-anak ibarat kain putih, kitalah yang akan mencorakkannya".

Hadirin yang saya hormati,

6. Saya dimaklumkan bahawa pada 8 Ogos yang lalu, satu Perbincangan Meja Bulat telah dianjurkan oleh PPBM untuk membincangkan isu, cabaran dan cadangan penyelesaian dalam memperkukuhkan kualiti perkhidmatan TASKA di Malaysia. Hasil dari perbincangan meja bulat tersebut, satu Pelan Tindakan telah dikemukakan kepada Kementerian melalui Timbalan Menteri saya, YB Hannah Yeoh. Kementerian akan memperhalusi Pelan Tindakan tersebut untuk menambah baik perkhidmatan TASKA di Malaysia.

ISU-ISU BERKAITAN TASKA

7. Pembangunan awal kanak-kanak dipengaruhi oleh kualiti hubungan antara kanak-kanak dengan penjaga/pengasuh. Perkembangan kanak-kanak akan mempunyai hasil yang lebih baik apabila mereka membina ikatan yang kukuh seterusnya mewujudkan perasaan selamat di antara

kanak-kanak dan pengasuh. Perasaan ini akan menyumbang kepada perkembangan fizikal, emosi, keperluan sosial dan pembelajaran kanak-kanak yang konsisten. Dalam hal ini, Kerajaan juga menyedari bahawa terdapat isu dan cabaran dalam industri pengasuhan kanak-kanak di Malaysia. Antaranya adalah aksesibiliti, kemampuan serta kualiti dan keselamatan.

AKSESIBILITI

8. Ketersediaan TASKA adalah penting bagi menyediakan sistem sokongan kepada ibu bapa yang bekerja dalam menguruskan anak-anak mereka semasa tempoh mereka keluar bekerja. Hal ini secara tidak langsung akan membantu negara mencapai matlamat untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita sebanyak 59 peratus pada tahun 2020 berbanding 54.7% pada tahun 2017. Aksesibiliti terhadap TASKA membolehkan golongan wanita atau ibu-ibu terus kekal atau kembali ke pasaran kerja. Ini akan meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja sekali gus dapat menjana ekonomi keluarga dan negara.

9. Namun demikian, industri pengasuhan pada ketika ini menghadapi masalah kekurangan pengasuh berdaftar. Berdasarkan rekod JKM, data terkumpul sehingga Jun 2018, jumlah pengasuh bagi kanak-kanak berusia 0 hingga 4 tahun di TASKA adalah seramai 16,873 orang. Daripada jumlah ini seramai 3,173 orang (18.81%) pengasuh mempunyai kelayakan minimum iaitu lulus KAP, selebihnya iaitu

seramai 13,700 orang (80.19%) pengasuh masih tidak memenuhi kelayakan ini.

10. Kekurangan bilangan pengasuh yang berkelayakan memberi implikasi terhadap jumlah TASKA yang berdaftar. Unjuran banci oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, menganggarkan jumlah kanak-kanak berusia 0 hingga 4 tahun pada tahun 2018 adalah seramai 2.3 juta orang. Berdasarkan statistik ini, sekiranya kita beranggapan bahawa 50% daripada kanak-kanak di Malaysia yang berusia 0 hingga 4 tahun memerlukan TASKA, maka negara kita memerlukan 38,333 buah TASKA bagi menampung jumlah kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, statistik pendaftaran TASKA JKM menunjukkan bahawa bilangan TASKA yang berdaftar adalah sebanyak 4,302 buah sahaja (11.22%). Bilangan ini menunjukkan kekurangan yang amat jelas dari aspek keperluan dan ketersediaan TASKA di negara kita. Kekurangan bilangan pengasuh berkelayakan dan bilangan TASKA berdaftar akan memberi implikasi terhadap jaminan kualiti dan keselamatan anak-anak kita.

Hadirin sekalian yang dihormati sekalian,

KEMAMPUAN

11. Selaras dengan penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum 2016, industri pengasuhan kanak-kanak adalah tidak terkecuali. Pemakaian perintah

ini turut memberi implikasi terhadap kos operasi TASKA. Peningkatan kos operasi terhadap pengusaha TASKA dipindahkan kepada ibu bapa melalui kenaikan yuran pengasuhan kanak-kanak. Beban ini akan bertambah besar sekiranya sesebuah keluarga mempunyai lebih ramai anak yang memerlukan perkhidmatan TASKA.

12. Dari perspektif pengusaha pula, kos operasi TASKA tidak terhad kepada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum semata-mata. Bayaran fi penubuhan TASKA, fi Profesional Perunding dan fi Tambahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang tidak seragam turut menyumbang kepada peningkatan kos operasi TASKA. Dalam hal ini, walaupun Garis Panduan Penubuhan TADIKA dan TASKA telah dikeluarkan, masih ada pengusaha mengambil langkah mudah untuk tidak mendaftarkan TASKA mereka bagi mengelak daripada mengeluarkan bayaran tambahan. Kegagalan pengusaha TASKA untuk mendapatkan kelulusan PBT akan menyebabkan TASKA tidak boleh berdaftar dengan pihak JKM.

KUALITI DAN KESELAMATAN

13. Kebelakangan ini, kita dikejutkan dengan kes-kes kemalangan yang melibatkan kanak-kanak di TASKA dan di rumah pengasuh sehingga menyebabkan kematian. Kementerian memandang serius akan perkara ini dan sedang berusaha untuk meningkatkan keselamatan dan kualiti

perkhidmatan TASKA yang diberikan. Kementerian sedang meneliti keperluan untuk memurnikan Akta dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak untuk disesuaikan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Isu dasar dan operasi TASKA akan membawa implikasi terhadap kualiti pengasuhan dan didikan awal kanak-kanak yang akhirnya memberi kesan kepada keselamatan kanak-kanak di TASKA. Justeru, setiap isu dasar dan operasi perlu ditangani bagi menjamin kualiti dan keselamatan kanak-kanak secara menyeluruh.

INISIATIF KERAJAAN

14. Kementerian memahami kekangan pengusaha dan ibu bapa berkaitan industri pengasuhan kanak-kanak. Selaras dengan itu, *Task Force Ramping Up The ECCE Industry* telah ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu, cabaran dan penambahbaikan secara holistik pengoperasian dan kualiti TASKA di Malaysia. Objektif utama pasukan petugas tersebut adalah untuk memantau dan menambah baik implementasi operasi dan kaedah pengurusan TASKA di Malaysia selaras dengan peraturan sedia ada. *Task Force* ini akan diperkukuhkan sebagai satu platform kepada semua pihak berkepentingan untuk menyalurkan isu dan membincangkan cara penyelesaian terbaik dalam pengurusan perkhidmatan TASKA.
15. Selain itu, Kementerian juga telah mengenalpasti satu tindakan ke hadapan yang akan diterokai iaitu pengaplikasian kemudahan internet dan telekomunikasi (ICT) untuk mewujudkan dimensi baharu sistem

sokongan kanak-kanak di negara ini. Untuk itu, satu kerjasama strategik merentasi kementerian/agensi bagi mewujudkan aplikasi telefon pintar yang menawarkan perkhidmatan pengasuh terlatih, bertauliah dan fleksibel akan diwujudkan pada masa hadapan. Aplikasi ini bukan sahaja dijangka berupaya membantu ibu bapa dalam mendapatkan perkhidmatan menjaga anak-anak dalam talian, namun, pada masa yang sama, akan membuka lebih banyak peluang untuk wanita menjadi pengasuh profesional dan terlatih.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Nasihat saya kepada para ibu bapa, janganlah kita memandang remeh terhadap pemilihan TASKA atau pengasuh untuk menjaga anak-anak kita ini. Ibu bapa perlu melakukan *due diligence* apabila melibatkan pemilihan TASKA. Lakukanlah semakan sewajarnya dan ibu bapa boleh mendapatkan senarai TASKA berdaftar dengan JKM di laman sesawang JKM atau boleh berhubung terus dengan pihak JKM. Selain itu, ibu bapa dan pengasuh juga perlu mempunyai hubungan yang baik dan bekerjasama dalam memastikan keselamatan anak-anak terjaga.

PENUTUP

17. Akhir kata, ingin saya tekankan di sini bahawa kesedaran terhadap keselamatan serta kebajikan kanak-kanak ini sangat penting bagi memastikan apa jua tindakan dan keputusan kita sebagai ibu bapa,

pengasuh, mahupun pengusaha TASKA perlulah sentiasa dilakukan ***for the best interest of the child***. Marilah kita sama-sama bersatu hati dan berusaha dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan TASKA serta pengasuh demi kebaikan anak-anak kita semua. InsyaAllah, niat yang ikhlas akan dibalas dengan ganjaran hebat oleh Allah S.W.T dan dipandang tinggi oleh masyarakat jua.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan HARI TASKA 2018. Sekian terima kasih.